

04 AUG 1997

ASEAN

THANAT KHOMAN BERI AMARAN MASA DEPAN ASEAN PENUH RANJAU

Oleh: Tan Hock Guan

SINGAPURA, 4 Ogos (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tun Dr Thanat Khoman, memberi amaran bahawa masa depan ASEAN akan dipenuhi dengan ranjau dan kesukaran.

Dr Thanat Khoman, salah seorang pemimpin yang menandatangani Deklarasi Bangkok pada 1967 bagi pembentukan ASEAN, berkata terdapat alamat-alamat buruk ke arah itu semasa persidangan ASEAN di Malaysia baru-baru ini.

"Terdapat firasat mengenai apa yang akan dihadapi oleh ASEAN pada masa depan," katanya dalam ucaptamanya di Persidangan Meja Bulat ASEAN 1997 yang dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Asian Tenggara (Singapura) dan Sekretariat ASEAN.

Alamat-alamat buruk mengenai "masa depan yang tidak cerah" itu ialah perbalahan mengenai spekulator mata wang dan gesaan supaya mengkaji semula tafsiran hak asasi manusia, tambahna.

"Perbalahan mengenai spekulator mata wang adalah dikesalkan. Thailand telah mengalami kerugian kepada spekulator itu," katanya.

Dr Thanat Khoman berkata spekulator mata wang tidak seharusnya dipanggil "penyangak" tetapi sebaliknya seorang "dermawan" kerana dia telah membantu memperkayakan kuasa besar dunia di atas kesulitan negara-negara miskin Asia Tenggara.

Beliau juga mempersoalkan mengapa Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright bermati-matian mempertahankan George Soros, yang disyaki menjadi spekulator mata wang, terhadap kecaman oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cara dia mempertahankan agak kasar dan keras dan wanita itu terpaksa membawa kesemua pegawai tingginya untuk memberi penjelasan bahawa setakat seorang sahaja dia tidak mampu melakukannya dan dia tidak melakukannya seorang diri," katanya.

Dr Thanat Khoman berkata malah perbalahan berhubung gesaan supaya disemak semula piagam hak asasi manusia adalah "lebih sengit".

Beliau berkata dengan menafikan kebebasan manusia yang merupakan ciri-ciri penjajahan akan menghalang kuasa-kuasa penjajah daripada menjadi penegak hak asasi manusia dan meletakkan mereka sebagai pelanggar undang-undang.

Beliau menambah kata bahawa mereka yang tidak mahu melihat ASEAN berkembang maju seharusnya tahu bahawa ASEAN masih bersedia untuk bekerjasama dengan mereka demi faedah bersama.

Sebelum itu, Menteri Luar Singapura S. Jayakumar, dalam ucapannya berkata ASEAN tidak boleh ambil mudah bahawa ia akan berjaya.

Katanya ASEAN menghadapi banyak cabaran yang serius dalam tahun-tahun yang akan datang.

Tambahna ASEAN, yang sedang berkembang dengan kemasukan Laos dan Myanmar, perlu mencari perseimbangan dari dalam.

Jayakumar berkata jika ASEAN berjaya mengekalkan rekodnya memainkan peranan ke arah keamanan dan kemakmuran di rantau ini, imej serta pengaruh dan kuasa tawar-menawarnya di kalangan masyarakat antarabangsa akan meningkat. -- BERNAMA

THG oba